

**Ketepikan Perbezaan Supaya Malaysia Terus Maju - Najib  
Bernama  
5 Feb, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu malam mengajak rakyat Malaysia untuk bersama-sama membuat komitmen demi pembangunan negara secara berterusan dengan mengetepikan perbezaan dan sebaliknya melihat kepada apa yang dikongsi mereka.

Perdana menteri meminta seluruh rakyat untuk bekerjasama dengan saling menghormati dan bertanggungjawab serta memberi tumpuan kepada matlamat yang sama.

"Apabila kita melihat melangkaui status negara maju, kita perlu memberi tumpuan tenaga kita bagi membina sumber bakat yang lestari, bagi mereka yang akan membawa ke hadapan momentum yang bermula lima dekad yang lalu di Dataran Merdeka," katanya.

Najib berkata demikian dalam ucapan beliau yang bertemakan 'Sumbangan Kepada Negara' pada majlis penyampaian Anugerah Merdeka 2013 kepada lima penerima di ibu negara.

Tan Sri Arsyad Ayub dan Raja Tan Sri Muhammad Alias merupakan penerima bersama di bawah kategori Pendidikan dan Komuniti, Dr Lim Boo Liat (Alam Sekitar), Tan Sri Dr Yahya Awang (Sains dan Teknologi) dan Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit (Pencapaian Cemerlang Akademik).

Najib menyampaikan anugerah itu di hadapan Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, yang juga pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka.

Perdana Menteri berkata sejak merdeka, dengan pertumbuhan pesat ekonomi telah membawa Malaysia daripada sebuah ekonomi pertanian dan ekonomi berasaskan komoditi sehingga menjadi sebuah negara perdagangan terkemuka dunia.

"Prestasi ekonomi kita telah membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, menyokong kemajuan besar dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur, perumahan dan kemudahan awam," katanya.

Najib menegaskan bahawa harapan dan prospek negara terletak kepada generasi muda Malaysia yang akan memacu negara ke tahap lebih tinggi.

Mengenai penerima Anugerah Merdeka 2013, beliau berkata mereka digabungkan secara megah dengan legasi yang memberi manfaat kepada generasi rakyat Malaysia masa kini dan masa lalu.

"Pencapaian mereka dalam pendidikan, pembaharuan luar bandar, pemuliharaan, penjagaan kesihatan dan penyelidikan perubatan, telah membuat satu sumbangan yang bermakna kepada sejarah negara ini," kata Najib.

Najib menjelaskan apabila ayahandanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, mahu menukar Kolej Mara menjadi sebuah institusi yang memberi fokus bagi membangunkan bakat yang diperlukan oleh negara, beliau mengamanahkan tugas itu kepada Arshad.

"Tan Sri Arshad telah membentuk landskap pendidikan Malaysia, membangunkan pendidikan profesional dan mengikuti pembaharuan pendidikan dan inovasi yang telah membuka begitu banyak peluang kepada pelajar-pelajar di Malaysia," katanya.

Najib berkata Malaysia juga bergantung kepada pakar-pakar seperti Raja Alias yang bukan sahaja membantu membangunkan komoditi minyak sawit tetapi juga meningkatkan taraf hidup sejumlah besar masyarakat luar bandar.

Beliau juga memberi penghormatan kepada penerima yang lain.

"Kelima-lima orang yang budiman ini dan pasukan yang bekerja bersama dengan mereka telah meninggalkan jejak mereka dalam sejarah Malaysia. Mereka juga telah meletakkan asas-asas bagi kejayaan masa depan.

Sejak ditubuhkan pada 2007, Anugerah Merdeka telah mengiktiraf 22 individu luar biasa dan dua pertubuhan, dengan setiap daripada mereka menjadi contoh ikutan generasi pasca Merdeka.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Besar Perak Tuanku Zara Salim.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, pengerusi Petronas Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan pengerusi Shell Malaysia Iain Lo.

Sementara itu, Raja Nazrin bertitah Anugerah Merdeka adalah sentiasa mengenai usaha untuk mencapai "kedudukan yang tertinggi".

Titah baginda anugerah itu menarik sebagai satu inspirasi kepada usaha pengasas negara, yang datang bersama-sama untuk bersatu di bawah satu bendera dan menetapkan pembangunan negara dengan kejayaan sebagai matlamat mereka.

"Ini adalah nilai-nilai yang mengemudi "Semangat Merdeka" dan yang mana kita, pada (majlis penyampaian) Anugerah Merdeka ini, telah menjadikannya sebagai misi untuk memulihara dan memupuknya di kalangan rakyat Malaysia," titah baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1012292>